

**Najib Harap Rakyat Tunjuk Penghargaan Kepada Ibu
Bernama
12 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berharap rakyat dapat meluangkan masa hujung minggu ini untuk menunjukkan penghargaan mereka terhadap ibu mereka sempena Hari Ibu hari ini.

Perdana Menteri berkata di samping "kita mula menggarapkan perancangan sebuah fasa baharu dalam sejarah negara ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada insan yang begitu penting dalam hidup beliau, iaitu bonda, Tun Rahah Mohd Noah."

"Sejak dari kecil lagi, saya diingatkan oleh bonda saya supaya menjadi insan berguna yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat," katanya dalam laman sosial Facebook beliau hari ini.

"Kami lima adik beradik selama ini dibesarkan dengan penuh kasih sayang, malah bonda saya sentiasa bersabar dengan karenah kami sepanjang zaman kanak-kanak kami.

"Saya harap anda meluangkan masa hujung minggu ini untuk menunjukkan penghargaan anda terhadap para ibu dalam kehidupan kita semua. Selamat Hari Ibu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949114>